



18 Januari 2013  
18 January 2013  
P.U. (A) 15

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(POTONGAN BAGI PENYEDIAAN TAMAN ASUHAN  
KANAK-KANAK) 2013

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE PROVISION OF  
CHILD CARE CENTRE) RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENYEDIAAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penyediaan Taman Asuhan Kanak-Kanak) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*].

**Potongan**

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan untuk apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang merupakan—

(a) perbelanjaan berkenaan dengan perbelanjaan ke atas penyediaan dan penyenggaraan taman asuhan kanak-kanak; dan

(b) perbelanjaan berkenaan dengan elaun asuhan kanak-kanak kepada orang yang digaji olehnya dalam perniagaannya.

(2) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta.